

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)

Berita Harian – 4 March, 2014 (A)

AirAsia X turut catat kerugian



**RITA BENOY
BUSHON**

AirAsia X, seperti juga MAS turut mencatatkan kerugian dalam laporan kewangan suku terkini.

Situasi itu mencerminkan cabaran yang dihadapi indus-

tri penerbangan adalah sebenarnya melangkaui isu-isu domestik.

Seperti biasa, kos kakitangan, kos bahan api pesawat dan caj kewangan menjadi penentu utama dalam mempengaruhi keputusan prestasi kewangan syarikat penerbangan.

Perlu diurus dengan baik

Apa yang nyata daripada kerugian dialami suku kewangan ini adalah betapa pentingnya memastikan kos dapat diurus dengan sebaik mungkin dan mengambil langkah berhati-hati ketika berdepan keadaan yang tidak menentu.

Menyentuh perkembangan lain yang lebih positif, pengambilalihan Jobstreet oleh Seek Ltd dialu-alukan oleh pelbagai pihak, terutama pemegang saham Seek Ltd yang berpangkalan di Australia.

Berikutan berita itu, yang mana akan melihat Seek memiliki 75 peratus kepentingan dalam entiti gabungan Job-sDB/JobStreet, harga saham Seek melonjak sehingga kira-kira 18 peratus.

Ini jelas menggambarkan sokongan terhadap potensi pemilikan di dalam dua pemain utama pasaran perniagaan dalam talian di Asia.

Bagi Jobstreet, pengambilalihan Seek itu adalah kemuncak pertumbuhan syarikat dari tahun ke tahun dan pengurusan kos yang berhemat.

Kumpulan pengasas Jobstreet berhak menikmati kejayaan ini dan ia juga adalah teladan baik bahawa Malaysia sebenarnya mampu membina perniagaan bertaraf dunia jika diuruskan sempurna.



Penulis

ialah Ketua Eksekutif
Badan Pengawas
Pemegang Saham Minoriti
Bhd (MSWG)